

24/10/2000

Projek Bakun diteruskan: Mahathir

Kadir Dikoh; Abdul Halim Yusuf

BANTING, Isnin - Kerajaan akan memutuskan sama ada projek hidro elektrik Bakun yang akan dipulihkan semula, diteruskan mengikut cadangan asal dengan keupayaan menjana 2,400 megawatt (MW) tenaga elektrik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, projek hidro Bakun di Belaga, Sarawak, perlu kerana permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat.

"Kita akan memulihkan semula projek ini sama ada pada tahap penuh atau tidak, kita belum memutuskan. Hakikatnya, kita sudah mengeluarkan banyak wang untuk pelbagai keperluan projek ini.

"Jika tidak meneruskannya, kita akan membazir banyak wang dan permintaan untuk bekalan elektrik pula meningkat secara mendadak," katanya selepas merasmikan kilang besi keluli jalur panas Megasteel Sdn Bhd bernilai RM2.5 bilion, di sini hari ini.

Projek empangan elektrik hidro Bakun ditangguhkan ketika kegawatan ekonomi dan diambil alih Menteri Kewangan Diperbadan daripada Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC) pada 10 Ogos tahun lalu.

Projek itu kemudian dikecilkan keupayaannya kepada hanya 500 MW dengan anggaran kos cuma RM5 bilion daripada asal 2,400 MW, yang dianggarkan menelan belanja RM13.5 bilion, termasuk pembinaan kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung.

Baru-baru ini, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr George Chan dipetik sebagai berkata negeri itu meminta Kerajaan Pusat melaksanakan semula projek Bakun pada saiz asal.

Mulai Oktober tahun lalu, kerja menyambung pembinaan tiga terowong pengalihan sungai iaitu komponen utama Bakun, dihidupkan semula setelah tertangguh hampir setahun.

Perdana Menteri turut ditanya sama ada Belanjawan dibentangkan Jumaat ini bakal menawarkan langkah membantu syarikat besar yang bermasalah, berkata kerajaan akan melihat semuanya dan mengkaji mengikut kes.

Beliau menegaskan, membantu syarikat besar bermasalah bukan satu langkah yang boleh dianggap kronisme atau usaha menyelamatkan mereka.

"Ia dilakukan untuk memastikan pekerja di negara ini tidak terjejas akibat tindakan pihak yang menurunkan nilai mata wang kita," katanya.

Mengenai tarif import bagi produk keluli akan dihapuskan sebaik saja Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan pada 2003, Dr Mahathir berkata, Malaysia komited untuk menurunkan tarif antara sifar dan lima peratus.

Katanya, kerajaan perlu mengkaji kesan mengurangkan tarif daripada "pihak yang melambakkan besi keluli mereka di negara ini".

Beliau berkata, beberapa negara, yang menghasilkan lebih keluli mempunyai kecenderungan untuk melambakkan produk mereka di negara ini.

"Bagaimanapun, tindakan tidak boleh diambil ke atas mereka. Negara kecil tidak mempunyai pengaruh," katanya.

(END)